

Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

Kemenangan UiTM CPP dalam Penulisan Laporan AKNC 2021

oleh Nur Afiqah Ab. Latif, Raja Rosila Raja Berahim & Che Nooryohana Zulkifli

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) merupakan sebuah anugerah kualiti tahunan yang diberikan oleh Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berjaya melaksanakan pembudayaan kualiti kerja yang cemerlang di UiTM. Anugerah ini dinilai melalui laporan pencapaian jabatan, fakulti dan kampus masing-masing. Terdapat 7 kriteria yang perlu dilaporkan iaitu kepimpinan, perancangan strategik, tumpuan pelanggan, proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, pembangunan sumber manusia, operasi dan hasil. Laporan yang lengkap dihantar kepada pihak InQKA (Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu) untuk dinilai. Tahun 2021 merupakan tahun pertama Laporan AKNC dihantar menggunakan sistem i-AKNC iaitu sistem digital pintal bersepadu yang dibangunkan oleh pihak InQKA. Setiap fakulti dan jabatan diwakili oleh beberapa orang pensyarah selaku penulis laporan AKNC dan APB UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) diwakili oleh Puan Nur Afiqah Ab. Latif, Puan Che Nooryohana Zulkifli dan Puan Raja Rosila Raja Berahim.

Penulisan laporan AKNC pada kali ini dianggap sebagai sesuatu yang paling mencabar kerana hampir kesemua penulis merupakan penulis baharu yang tidak mempunyai pengalaman tentang penulisan AKNC. Selain itu, penulisan laporan pada kali ini merangkumi laporan bagi dua tahun iaitu tahun 2019 dan 2020. Pengalaman sebagai penulis AKNC dalam tempoh pandemik COVID-19 merupakan salah satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan kerana segala perancangan dan pengumpulan data perlu dijalankan secara atas talian. Selaku penulis AKNC, kami perlu menghubungi hampir kesemua jabatan di UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan bidang tumpuan yang dipilih iaitu Bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Walaubagaimanapun, pengalaman ini menjadikan kami lebih menghargai antara satu sama lain dan bekerjasama sehabis baik untuk menyiapkan laporan. Kami juga turut mempelajari tentang keseluruhan proses dan sistem di UiTM serta kegigihan setiap warga universiti terutama sekali dalam mempergiatkan aktiviti komuniti dan kesukarelawan.

Pasukan AKNC UiTM Cawangan Pulau Pinang telah memenangi dua anugerah dalam pertandingan AKNC pada tahun 2021 iaitu:

1. Tempat ketiga AKNC iaitu (Peringkat Kampus Cawangan)
2. Pemenang Bidang Tumpuan iaitu (Bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan)

Bagi anugerah pertama, kami telah pulang dengan wang tunai sebanyak RM3000.00 manakala anugerah kedua adalah sebanyak RM1500.00. Sebuah Majlis Apresiasi telah diadakan di Hotel The Light pada 3 Mac 2022 bagi meraikan dan menghargai kejayaan penulis-penulis AKNC UiTM CPP 2021. Cenderahati dan sijil penghargaan turut diberikan kepada setiap penulis. Semoga warga UiTM CPP terus aktif menyumbang keringat dan kudrat dalam pelbagai bidang di masa akan datang. Syabas!

